



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 51 - Nov 05 - Jan 06

15hb Februari 2006



Majlis Peletakan Batu Asas dan Pecah Tanah Masjid UiTM Sarawak (m.s. 3)

Kita Menang Lagi (m.s. 3)



inside !

Mesej Prof Madya Dr Jamil Hj. Hamali

Majlis Pecah Tanah

Anugerah Kualiti

11D 2006: STesTMAP

Syabas to our KARISMA athletes

KKK UiTMCS melawat Pontianak

Nadra's Student Exchange Experiences

Nakhoda MPP Bertukar

CSSR di UiTM Terengganu

"Excellence in knowledge must be accompanied by spiritual soundness" - YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud

Syabas to our KARISMA Contingent

Rafidah Nawawi

Berikut ialah pencapaian para atlit UiTMCS di Kejohanan Karisma Ke XIII di Shah Alam pada 2-8 Disember yang lalu.

Frisbee (Lelaki) - Emas (Berkumpulan)

Tenpin Boling (Wanita) - Emas (Masters), Perak (All-Events), Gangsa (Keseluruhan Wanita)

Taekwando - Emas (Wanita, Super heavyweight)

Bola Tampar (Wanita) - Gangsa

Hoki (Wanita) - Gangsa


Silat (Wanita) - Gangsa (Kategori E)

Ping Pong (Lelaki) - Suku Akhir

Bola Jaring (Wanita) - Suku Akhir

Sememangnya prestasi yang ditunjukkan para atlit amat memberangsangkan dan disiplin di kalangan pasukan yang menang memang tinggi. Diharapkan pada kejohanan yang akan datang di Pulau Pinang akan menjanjikan satu lagi kejutan dalam pungutan pingat terutama dalam sukan yang baru dipertandingkan seperti aerobik yang cukup menjanjikan pungutan pingat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua atlit atas sumbangan anda kerana berjaya mengharumkan nama UiTMCS di persada sukan UiTM.



Lawatan ke Pontianak

Rafidah Nawawi

Bermula dari 1-5 Disember 2005 satu lawatan ke Pontianak, Indonesia telah diadakan. Lawatan ini adalah anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian (KKK) UiTM. Menurut pengarah program iaitu En Mohd Sepawi, lawatan ini adalah sebagai menghargai penat lelah para ahli KKK yang telah berjaya meraih banyak kejuaraan dalam tahun lepas. Seramai 45 ahli yang benar-benar aktif dan banyak menyumbangkan tenaga telah terpilih dan 20 orang staf turut sama menjayakan lawatan ini.

Antara objektif lawatan ini diadakan ialah untuk melawat sanggar Bourgeinvilla iaitu sebuah persatuan kelab kebudayaan Pontianak. Lawatan ke sanggar ini adalah sebagai salah satu persiapan untuk Festival Tari IPT Peringkat Borneo 2006 anjuran UiTMCS yang dijangka akan berlangsung pada Mac/April 2006 kelak. Selain daripada itu, lawatan ini juga bertujuan untuk melawat Universiti Tanjung Pura, muzium dan tempat bersejarah yang ada di sekitar Pontianak.

Lawatan ini juga membawa misi serampang 2 mata iaitu pihak pengurusan UiTMCS dan Universiti Tanjung Pura bermesyuarat bersama untuk merancang strategi penganjuran dan promosi untuk Festival Tari IPT Peringkat Borneo. Rombongan juga turut melawat Konsulat Malaysia di Pontianak.

Adalah diharapkan menerusi lawatan ini UiTMCS dapat memperkenalkan rumpun seni UiTMCS ke Indonesia dan memperoleh ilmu yang berharga daripada lawatan ke sanggar dan seterusnya mempertahankan kejuaraan yang terlalu banyak disandang oleh UiTMCS setahun kebelakangan ini.

